

SIARAN MEDIA

HARI MITI 2019, 19 OKTOBER 2019 #mitiday

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bersama-sama agensi-agensi di bawahnya (MIDA, MATRADE, MPC, MIDF, MARii, MSI, SIRIM, MIMOS, EXIM BANK, JSM & INVESTKL) telah mengadakan Program “Hari MITI 2019 (Sabah)” pada 19 Oktober 2019 (Sabtu) bermula jam 8.00 pagi hingga 5.30 petang bertempat di Hotel Hilton, Kota Kinabalu, Sabah.

Program ini telah dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie Bin Haji Apdal, Ketua Menteri Sabah bersama-sama dengan YB Datuk Darell Leiking, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Lebih 4,000 pengunjung telah menghadiri program tersebut terdiri daripada kalangan PKS, kedutaan asing, pelajar universiti yang bakal menamatkan pengajian mereka, graduan baharu, ahli-ahli persatuan/Dewan-dewan perniagaan, pelabur Bumiputera dan rakyat tempatan.

MITI Day merupakan program tahunan Kementerian yang telah dilaksanakan sejak tahun 2016 dan diadakan untuk mengeratkan lagi hubungan di antara MITI serta agensi dengan orang ramai dan mempamerkan fungsi MITI dan agensi yang meliputi segenap aspek kehidupan seharian. Antara peranan MITI serta agensi adalah:

- i) Membangun dan melaksanakan dasar pembangunan perindustrian, perdagangan dan pelaburan;
- ii) Menarik pelabur asing dan domestik yang berkualiti;
- iii) Mempromosikan dan meningkatkan eksport barangan dan perkhidmatan bernilai tambah tinggi Malaysia dengan mengukuhkan hubungan perdagangan dua hala, serantau dan pelbagai hala dan kerjasama;

- iv) Meningkatkan produktiviti kebangsaan dan daya saing, terutama dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan; dan
- v) Memastikan ekosistem perniagaan yang kondusif untuk memudahkan perdagangan dan pelaburan.

Program MITI Day 2019 (Sabah) meneruskan konsep mesra rakyat dan berimpak tinggi yang dibahagikan kepada empat (4) elemen utama iaitu Seranta (Outreach), Keusahawanan, Peluang Pekerjaan dan Pelaburan. Antara pengisian program adalah seperti berikut:

- i) Pameran MITI dan Agensi;
- ii) Pameran Kerjaya & Sesi Temuduga Terbuka oleh MIDA yang menawarkan lebih 4,000 peluang pekerjaan di seluruh negara. Antara 23 syarikat yang telah mengambil bahagian termasuk Jobs Malaysia, Best Eternity Recycle Technology Sdn Bhd, Carsem (M) Sdn Bhd, Jabil Circuit Sdn Bhd, Layang-Layang Aerospace Sdn Bhd dan lain-lain lagi.
- iii) Pameran Perdagangan dan Industri yang mempamerkan pencapaian usahawan-usahawan Sabah yang dibantu dan dibimbing MITI dan agensi;
- iv) *Mini Autoshow* – demonstrasi kereta model baharu;
- v) *Pocket talk* merangkumi topik-topik menarik seperti *Introduction to Free Trade Agreement (FTA)*, *Introduction to Preferential Certificate of Origin (PCO)*, *Industry4WRD - National Policy on Industry 4.0*, *Hosting of #MyAPEC2020* dan program pengenalan mengenai pelaburan saham.
- vi) Program e-Dagang Bersama Rakyat bertujuan meningkatkan tahap kesedaran usahawan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Sabah mengenai kepentingan e-dagang dalam

perniagaan dan memberikan pendedahan mengenai ekosistem ekonomi digital dan peluang-peluang yang boleh dicapai untuk mengembangkan perniagaan mereka; dan

Penganjuran Hari MITI 2019 (Sabah) diharap mampu memupuk kefahaman yang lebih baik kepada pelanggan dan masyarakat tentang fungsi serta peranan MITI dan agensi seterusnya mengurangkan jurang di antara agensi kerajaan serta rakyat, selaras dengan pendekatan kerajaan yang berteraskan perkhidmatan kepada rakyat.

-TAMAT-

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

19 Oktober 2019

Untuk maklumat lanjut, boleh hubungi kami:

Bahagian AKI dan Seranta
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Level 15, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur
MALAYSIA

Telefon : (603) 6200 0459 / 6200 0461
Fax : (603) 6211 3174
E-mail : allaki@miti.gov.my

Mengenai MITI:

Kementerian Perniagaan dan Industri ditubuhkan pada April 1956 dan dinamakan semula sebagai Kementerian Perdagangan dan Industri pada Februari 1972. Pada 27 Oktober 1990, Kementerian tersebut telah dipecahkan kepada dua iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

MITI ialah penggerak utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara sebagai negara yang berdaya saing di peringkat antarabangsa.



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Media enquiries

**Ministry of International Trade & Industry
Strategic Communications Unit**

Tel +603 6200 0083

Fax +603 6206 4293

E-mail allpegkomunikasikorporat@miti.gov.my